

DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

“

Saya amat berbangga dengan pencapaian PTAR bagi tahun 2007 ini. Ia menjadi permulaan tahun yang baik setelah PTAR terpilih untuk menyertai Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan telah disenarai pendekkan bagi Anugerah Perpustakaan Cemerlang. Kedua-dua pencalonan ini adalah penyertaan PTAR untuk julung kalinya.

”



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.....

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bertemu lagi dalam Buletin Info PinTAR Bilangan 2/2007.

Saya amat berbangga dengan pencapaian PTAR bagi tahun 2007 ini. Ia menjadi permulaan tahun yang

baik setelah PTAR terpilih untuk menyertai Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan telah disenarai pendekkan bagi Anugerah

Perpustakaan Cemerlang. Kedua-dua

pencalonan ini adalah penyertaan PTAR untuk julung kalinya.

Ini telah membuktikan bahawa Warga PTAR mampu untuk memberikan perkhidmatan yang unggul serta amat mementingkan kecemerlangan kualiti dari pelbagai aspek bagi memastikan para pelanggan mendapat maklumat yang tepat dan terkini.

Dalam menuju ke arah perpustakaan bertaraf dunia, pencapaian serta

kejayaan yang diperolehi akan diperolehi menjadikan PTAR semakin matang demi memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan dapat memenuhi ekspektasi pelanggan masa kini.

Kami mengalu-alukan setiap komen yang diberi dalam usaha untuk memperbaiki mutu perkhidmatan PTAR dan seterusnya memastikan keberkesanan perkhidmatan secara berterusan.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga PTAR diatas usaha serta sokongan yang telah diberikan sehingga memperoleh kejayaan yang memberangsangkan. Diharap PTAR akan terus menjadi penyumbang kepada prestasi terbaik yang berkesan dan amat berguna untuk dipelajari serta dikongsi bersama.

“PTAR @ Your Service”